

MESYUARAT DAN RETREAT PANEL HAKAM JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN 2021

8 April 2021 | Seramai 32 orang Panel Hakim Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) telah menghadiri Mesyuarat dan Program Retreat Panel Hakim JKSNS Tahun 2021 di Kompleks Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, Bandar Sri Sendayan.

Panel Hakim merupakan golongan profesional dan terlatih yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Panel Hakim berfungsi membantu Mahkamah dalam menyelesaikan kes di bawah Seksyen 47 EUUKIS NS 2003. Kesemua panel hakim diberikan taklimat ringkas berkaitan objektif dan aturcara program.

Program diteruskan dengan sesi bersama Ketua Pendaftar JKSNS iaitu Tuan Mohd Ridzwan bin Ghazali. Beliau menyampaikan perkembangan JKSNS dan perkembangan perjalanan kes Hakim sejak Kaedah Hakim Negeri Sembilan diwujudkan.

JKSNS mengambil maklum pentingnya panel hakim mengenali fungsi-fungsi yang ada dalam dewan bicara dan mengetahui perkhidmatan lain yang ada disediakan di mahkamah syariah seperti perpustakaan sebagai tempat rujukan, Bahagian Sokongan Keluarga yang mengendalikan penguatkuasaan perintah dan Unit Sulh yang mendamaikan pihak-pihak yang bertikai. Sehubungan itu, satu sesi jelajah (Roadtour) diadakan ke semua lokasi tersebut.

Sejarah penubuhan mahkamah syariah turut didedahkan iaitu pada tahun 1893 penubuhan mahkamah syariah bermula dengan mahkamah kadi melalui Perintah Majlis yang diberi nama penubuhan dan kuasa Mahkamah Jenayah dan Sivil. Seterusnya mahkamah syariah berkembang dari masa ke semasa dengan infrastruktur yang semakin baik sehinggalah yang sedang dimiliki pada hari ini.

Statistik kes hakim turut dikongsi bersama panel hakim. Majoriti panel hakim dilantik sebagai panel hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Seremban.

Semua panel hakim diberi ruang dan peluang bertanyakan sebarang persoalan berkaitan hakim dan mahkamah syariah. JKSNS akan mengadakan satu sesi muzakarah untuk membincangkan berkaitan isu-isu hakim. Program berjalan dengan lancar dan objektif tercapai.

Program berakhir dengan sesi bergambar semua Panel Hakim dan Pengurusan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan.

GALERI



